

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 8.6.2015

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apa yang sedang dilakukan untuk memberi pendidikan kepada anak-anak pekerja asing di Malaysia dan sama ada kanak-kanak ini dibenarkan untuk belajar di sekolah-sekolah Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu aspek yang ditekankan dalam pendemokrasian pendidikan di negara ini ialah akses pendidikan kepada semua. Perkara tersebut selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) yang memperuntukkan setiap kanak-kanak yang tinggal di sesebuah negara mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan asas tanpa mengira status kewarganegaraan mereka. Malaysia sentiasa bergerak seiring dengan hasrat yang diperjuangkan oleh UNESCO iaitu *Education For All* yang merupakan satu mandat global bagi memastikan semua keperluan rakyat dalam pendidikan dipenuhi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengurus kemasukan dan penerimaan murid ke sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan dengan menggunakan:

- i. Akta Pendidikan 1996 (Peraturan-peraturan Pendidikan 1998)
- ii. Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 14/2002 (Pelaksanaan Pendidikan Wajib)
- iii. Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1/2009 (Kemasukan Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen)

Melalui Akta Pendidikan 1996, anak-anak pekerja asing yang sah boleh mendapat pendidikan formal di negara ini berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Walaupun KPM tidak meluluskan kemasukan murid dalam kalangan anak Pendatang Tanpa Izin untuk belajar di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan, Kerajaan memberi komitmen kepada *education for all* di bawah Konvensyen Hak Kanak-Kanak dengan memberi akses pendidikan kepada anak-anak pekerja asing melalui institusi pendidikan termasuk pusat pembelajaran komuniti (*Community Learning Center - CLC*) yang ditubuhkan oleh kumpulan komuniti atau NGO. KPM juga mendaftarkan institusi pendidikan tersebut berdasarkan peraturan dan peruntukan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] bagi tujuan pengawalseliaan ke atas institusi pendidikan tersebut.